

<b>RISALAH PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>Hong Leong Assurance Berhad</b>
<b>Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil <i>Hong Leong One SMART Insurance</i>. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.</b>	<b>Hong Leong One SMART Insurance</b>
	<<date>>

Nota Penting: Produk ini ditanggung jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, penanggung insurans dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

### 1. Apakah produk ini?

- <sup>(1)</sup>Ini ialah pelan premium tunggal berkaitan pelaburan yang matang pada umur 100 tahun dan menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan.
- Pelan ini membayar Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya, yang mana lebih tinggi, sejurus selepas tarikh tuntutan untuk kejadian pertama bagi Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (sebelum umur 65 tahun) atau Ketidakupayaan Masa Tua (umur 65 dan ke atas).
- Nilai polisi pelan berkaitan pelaburan bergantung pada harga unit pendasar, yang bergantung pula pada prestasi dana pilihan anda.

Caj insurans anda (yang tidak terjamin dan ditolak berikutnya daripada nilai akaun) akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Hayat Diinsuranskan. Nilai akaun mungkin tidak mencukupi untuk membayar caj insurans pada tahun-tahun berikutnya disebabkan oleh faktor-faktor seperti pulangan dana yang tidak memberangsangkan atau pengeluaran yang menyebabkan polisi anda menjadi lupus sebelum mencapai tarikh matang. Jika ini berlaku, anda perlu menambah premium bagi memastikan perlindungan yang berterusan.

### 2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Jumlah Asas Diinsuranskan pada permulaan bagi pelan ini ialah RM                      dan tempoh perlindungan ialah                      tahun atau sehingga dibatalkan, yang mana terjadi dahulu.

Bagi setiap tambahan nilai atau pengeluaran, Jumlah Asas Diinsuranskan masing-masing akan meningkat atau menurun dengan jumlah yang sama. Kami memastikan yang Jumlah Asas Diinsuranskan anda pada bila-bila masa tidak kurang daripada RM 5,000.

#### **Faedah Kematian**

Dalam kejadian Kematian Hayat Diinsuranskan semasa tempoh perlindungan, faedah Kematian yang bersamaan dengan Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya, yang mana lebih tinggi, sejurus selepas tarikh pemberitahuan Kematian akan dibayarkan.

Lien Juvenil tidak terpakai.

#### **Faedah Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)**

Dalam kejadian TPD (sebelum umur 65 tahun) Hayat Diinsuranskan semasa tempoh perlindungan, faedah TPD yang bersamaan dengan Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya, yang mana lebih tinggi, sejurus selepas tarikh tuntutan TPD akan dibayarkan. Faedah TPD akan dibayarkan mengikut peruntukan TPD.

Lien Juvenil tidak terpakai.

### **Faedah Ketidakupayaan Masa Tua (OAD)**

Dalam kejadian OAD (umur 65 tahun dan ke atas) Hayat Diinsuranskan semasa tempoh perlindungan, faedah OAD yang bersamaan dengan Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya, yang mana lebih tinggi, sejurus selepas tarikh tuntutan OAD akan dibayarkan. Faedah OAD akan dibayarkan mengikut peruntukan OAD.

### **Faedah Kematangan**

Pada akhir tempoh polisi, Faedah Kematangan bersamaan dengan Nilai Akaun akan dibayar.

**Peringatan:** Sila baca Ilustrasi Produk dan Helaian Fakta Dana, yang mengandungi faedah-faedah produk dan objektif-objektif dana berkaitan pelaburan. Anda mestilah memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

**PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU.**

**Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

### **3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:

<b>Pelan</b>	<b>Premium Tunggal (RM)</b>
Hong Leong One SMART Insurance	

- Tempoh premium: Satu kali sahaja

Syarikat insurans memperuntukkan suatu bahagian premium untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Apa-apa jumlah yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada kakitangan bankasurans dan perbelanjaan lain syarikat insurans. Anda dinasihatkan supaya merujuk kadar peruntukan yang diberikan dalam Ilustrasi Produk. Caj adalah tidak terjamin dan mungkin diubah dari masa ke masa.

Ia adalah penting untuk anda menerima dan simpan semua resit sebagai bukti bayaran premium.

### **4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

- Caj insurans akan ditolak setiap bulan daripada nilai unit anda. Caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat. Keterangan lanjut caj insurans, dan caj lain seperti yuran pengurusan dana, yuran pentadbiran, yuran penukaran dana, yuran polisi, yuran tambah nilai dan yuran pengeluaran telah dibagi dalam Ilustrasi Produk.
- Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 8% cukai perkhidmatan.

### **5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda yang sebenar.
- Tempoh bertenang – anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran polisi. Syarikat insurans akan memulangkan premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian seterusnya dan sebarang caj insurans, yuran polisi dan sebarang cukai yang berkenaan yang ditolak tolak yuran perubatan yang dikenakan.
- Nilai akaun – nilai akaun bagi polisi berkaitan pelaburan bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Tahap perlindungan insurans yang dipilih semakin tinggi, semakin banyak unit akan diserap untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai akaun bagi polisi anda.
- Polisi luput – Polisi akan luput apabila nilai daripada pelaburan unit tidak cukup untuk membayar caj insurans dan caj-caj lain. Dengan itu, polisi akan dibatalkan.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini.
- Pencalonan dan penamaan adalah tertakluk peruntukan-peruntukan. Anda dinasihati supaya menama seorang penama dan memastikan penama tersebut sedar tentang polisi yang telah anda beli.
- Kesemua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan pengunderaitan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

Ilustrasi Jualan ini mengandungi 4 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada ilustrasi jualan. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

**Faedah Kematian**

Sekiranya Hayat Diinsuranskan, sama ada waras atau tidak, membunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian, polisi ini akan menjadi tidak sah. Nilai akaun polisi ini akan dibayarkan.

**Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal/Ketidakupayaan Masa Tua**

Polisi ini tidak memberi perlindungan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal dan Ketidakupayaan Masa Tua yang berpunca secara langsung atau tidak;

- daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan ketika keadaan waras atau tidak waras;
- daripada menaiki kapal terbang (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang kapal terbang, di atas penerbangan yang biasa dijadualkan daripada sistem penerbangan komersial); atau
- ketika berkhidmat sebagai anggota angkatan bersenjata, polis dan separa tentera yang disebabkan oleh peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan sivil.

Polisi ini tidak akan membayar apa-apa manfaat TPD/OAD jika kecacatan yang menyebabkan tuntutan TPD atau OAD wujud pada Tarikh Permulaan atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Membeli polisi berkaitan unit premium tunggal adalah komitmen kewangan jangka sederhana. Anda dinasihatkan supaya tidak memegang polisi ini untuk jangka pendek memandangkan kos permulaan polisi ini. Jika polisi ini ditamatkan awal, anda mungkin akan mendapat amaun yang kurang daripada amaun premium dibayar. Sekiranya anda mendapati bahawa dana yang dipilih itu tidak lagi sesuai, anda diberikan kelonggaran untuk membuat pertukaran dana tanpa apa-apa yuran.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan (termasuk yang bagi penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Berkaitan Pelaburan', yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu naskhah daripada ejen/ kakitangan bank.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Hong Leong Assurance Berhad**  
Level 3, Tower B, PJ City Development  
No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A  
46100 Petaling Jaya, Selangor  
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

**Pengantara:**  
**Hong Leong Bank Berhad**  
Level 19, Menara Hong Leong  
No. 6, Jalan Damanlela  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 7650 1288  
Faks: 03 - 7650 1299  
Laman Web: [www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan**

Sila rujuk ejen/ kakitangan bank untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

**MAKLUMAN PENTING:**

**INI IALAH PRODUK INSURANS YANG BERIKAT DENGAN PRESTASI ASET DASAR, DAN BUKAN SATU PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN ANDA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH SESUAI DENGAN TAHAP RISIKO ANDA. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR TAMBAHAN PREMIUM SEBAGAI 'PREMIUM TAMBAH NILAI'. PULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK TERJAMIN.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <<date>>.

## Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

Sebelum Anda Membeli Polisi	Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi	Semasa Tempoh Polisi
<p><b>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.</li><li>* Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.</li></ul> <p><b>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.</li><li>* Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.</li></ul>	<p><b>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.</li><li>* Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.</li><li>* Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.</li><li>* Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.</li></ul> <p><b>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.</li><li>* Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.</li></ul>	<p><b>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium.</li></ul> <p><b>Membantu Anda Membuat Tuntutan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>* Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.</li></ul>

### Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di [customerservice@hla.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hla.hongleong.com.my).